

I. KENYATAAN TAWARAN



BADAN PENGURUSAN BERSAMA BLOK A&B PANGSAPURI PUTRA IMPIAN (JMBPPIAB)

TENDER PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BLOK A&B PANGSAPURI PUTRA IMPIAN

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang **Perkhidmatan Kawalan Keselamatan** di bawah **Kepala dan Sub-Kepala 220801 (Kawalan Keselamatan)** yang masih sah dan berkuatkuasa.
2. Tender ini adalah bagi JMBPPIAB seperti Jadual di bawah;

BIL	KOD TENDER	TEMPOH KONTRAK	TARIKH, MASA, DAN TEMPAT TAKLIMAT	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR DOKUMEN
1	JMBPPIAB / TENDER / UKK / 2024 / 001	12 BULAN	<p>23 JANUARI 2024 (SELASA)</p> <p>11.00 PAGI</p> <p>PEJABAT PENGURUSAN PPIAB</p>	<p>Bermula 23 JANUARI 2024 (SELASA)</p> <p>10.00 PAGI</p> <p>PEJABAT PENGURUSAN PPIAB</p>	<p>5 FEBRUARI 2024 (ISNIN)</p> <p>4.00 PETANG</p> <p>PEJABAT PENGURUSAN PPIAB</p>

3. **Taklimat Tender** adalah **DIWAJIBKAN HADIR**.
4. Semasa Pendaftaran Petender, petender-petender hendaklah mengemukakan SIJIL ASAL (untuk pengesahan) dan SALINAN FOTOSTAT (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut;
 - a. Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan; dan
 - b. Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dari Kementerian Kewangan.
5. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Petender dikehendaki membawa bersama **Cop Rasmi Syarikat**.

6. Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal beserta dokumen sokongan yang lain hendaklah disediakan dalam sampul berasingan dan berlakri. **Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan “Tawaran Kewangan” dan “Tawaran Teknikal” di sebelah kiri atas sampul.** Kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar beralamat seperti berikut;

Nombor Cadangan Petender: (UKK.....)

Nombor Rujukan Tender: JMBPPIAB / TENDER / UKK / 2024/ 001

**TENDER PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA
DI BLOK A & B PANGSAPURI PUTRA IMPIAN**

**Pengerusi
Badan Pengurusan Bersama
Blok A & B Pangsapuri Putra Impian
Jalan Putra Impian, Taman Putra Impian
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan**

**Dokumen Tawaran Tender hendaklah selewatnya dihantar
sebelum atau pada jam 5.00 petang pada / atau sebelum 5 FEBRUARI 2024.**

7. Tawaran tender **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya;
- Petender **TIDAK** berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
 - Petender **LEWAT** mengemukakan dokumen tawaran tender;
 - Petender **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib dengan lengkap seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender;
8. Iklan tender boleh dirujuk di Laman Muka Buku Rasmi Blok A&B Pangsapuri Putra Impian. Ralat terhadap iklan tender juga akan dimaklumkan menerusi Laman Muka Buku Rasmi, sekiranya ada.
9. JMBPPIAB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
10. Keputusan tender ini adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.